

**PERATURAN PEMARKAHAN
PERCUBAAN TASAWWUR ISLAM SPM 2026 PULAU PINANG**

Bahagian A

1	Etika	11	Merompak
2	Al-Murabahah	12	Murtad
3	Mudghah	13	Tawakal
4	Alam roh	14	Muhasabah
5	Ibadah umum	15	Keadilan@Al-Adalah / Persamaan@Al-Musawah
6	Al-Rahnu	16	Persamaan@Al-Musawah / Keadilan@Al-Adalah
7	Sosialis	17	X
8	Muallaf	18	X
9	Rabbaniyyah	19	/
10	Murunah	20	/

Bahagian B

1	(a)	Empat rukun Islam selain dari mengucap dua kalimah syahadah: 1. Menunaikan solat fardu lima waktu sehari semalam. 2. Mengeluarkan zakat. 3. Berpuasa pada bulan Ramadan. 4. Mengerjakan haji bagi yang mampu.	4 x 1 m = 4 markah
	(b)	i. Dua contoh perkara ghaib yang akan dilalui oleh manusia di hari akhirat: 1. Mahsyar 2. Hisab 3. Titian Sirat 4. Syurga 5. Neraka	2 x 1 m = 2 markah
		ii. Keimanan kepada alam barzakh dapat mendorong seseorang melakukan amal soleh. Contoh jawapan: Seseorang yang beriman kepada alam barzakh akan berasa takut untuk meninggalkan perintah Allah SWT (I) kerana menyedari adanya azab kubur (HR). Hal ini akan menyebabkan dirinya sentiasa berusaha melakukan kebaikan seperti solat dan sedekah (HL). Kesimpulannya, kita perlulah membuat persediaan secukupnya untuk menghadapi kematian agar beroleh ketenangan (K).	4 x 1 m = 4 markah I + HR + HL + K

	(c)	i. Maksud pekerjaan menurut Islam: Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta (1m) dengan cara yang halal (1m).	1 x 2 m = 2 markah
		ii. Dua sebab Islam menuntut umatnya bekerja: 1. Memudahkan umatnya menunaikan ibadah (1m) seperti berzakat (1m). 2. Memenuhi keperluan hidup (1m) seperti makanan dan tempat tinggal (1m). 3. Mendapat penghormatan daripada masyarakat (1m) kerana mempunyai sikap bertanggungjawab (1m). 4. Memperoleh keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana melaksanakan ibadah fardu ain (1m). 5. Merupakan ibadah yang diberi pahala (1m) kerana menepati syariat Islam (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(d)	Dua kesan mengabaikan pelaksanaan sistem ekonomi Islam: 1. Matlamat negara yang baik tidak dapat dicapai (1m) kerana melaksanakan ekonomi tidak mengikut syariat (1m). 2. Amalan riba berleluasa (1m) menyebabkan golongan pemodal semakin kaya (1m). 3. Nilai-nilai moral semakin terhakis (1m) kerana berleluasanya gejala rasuah (1m). 4. Pengagihan harta yang tidak adil (1m) kerana hanya tertumpu kepada kelompok kelas atasan sahaja (1m). 5. Ekonomi sesebuah negara akan hancur (1m) kerana berlaku ketidakadilan dalam pemilikan harta (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
2.	(a)	i. Maksud Insan: Makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal fikiran dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT serta memakmurkan alam (2m).	1 x 2 m = 2 markah
		ii. Dua kepentingan memelihara fitrah kejadian manusia: 1. Mendapat keredaan dan petunjuk Allah SWT (1m) kerana mematuhi perintah-Nya (1m). 2. Mengukuhkan keimanan dan menyemai ketakwaan (1m) agar dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m). 3. Menerima kebenaran dan menolak kebatilan (1m) seperti mana yang telah ditetapkan Allah SWT (1m). 4. Membentuk kehidupan yang aman dan harmoni (1m) seperti tiada persengketaan (1m). 5. Dapat memakmurkan bumi (1m) agar tiada kerosakan (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H

		iii. Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari aspek sosial: 1. Perpaduan dapat dikekalkan (1m) agar masyarakat dapat hidup secara harmoni (1m). 2. Masyarakat hidup dengan toleransi dan saling menghormati (1m) agar keamanan terjamin (1m). 3. Wujud keharmonian dalam masyarakat (1m) dengan saling bantu-membantu (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(b)	i. Maksud perundangan Islam: Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan (1m) sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan akhirat (1m).	1 x 2 m = 2 markah
		ii. Kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam: 1. Mengancam keselamatan nyawa (1m) seperti berlakunya jenayah pembunuhan (1m). 2. Mewujudkan sistem ekonomi yang haram (1m) seperti amalan riba dan rasuah (1m). 3. Merosakkan akidah (1m) seperti berlaku perkara syirik, kufur dan sebagainya (1m). 4. Merosakkan akal (1m) melalui perbuatan minum arak dan penagihan dadah (1m). 5. Merosakkan keturunan manusia (1m) seperti kelahiran anak luar nikah (1m).	1 x 2 m = 2 markah I + H
	(c)	Huraikan cara Islam menyelesaikan masalah di atas. Contoh jawapan: Menetapkan hukuman 40 kali sebatan ke atas peminum arak (I) kerana perbuatan tersebut boleh merosakkan akal (H1) yang membawa kepada perbuatan jenayah lain (H2) . Hal yang demikian kerana hukuman tersebut sebagai pencegahan daripada berulangnya perbuatan tersebut (H3) serta memberi amaran kepada mereka yang ingin melakukan larangan Allah SWT (H4). Kesimpulannya, sistem perundangan ciptaan Allah SWT adalah berbentuk mendidik jiwa manusia supaya takut akan pembalasan daripada-Nya demi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. (K)	6 x 1 m = 6 markah I + H1 + H2 + H3 + H4 + K
3.	(a)	i. Maksud sistem sosial Islam: Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain (2m).	1 x 2 m = 2 markah

	ii. Pengamalan sistem sosial Islam dapat mengatasi masalah tersebut demi mencapai matlamat kesejahteraan hidup. Contoh jawapan: Mengamalkan sistem zakat, sedekah, dan bantuan sosial secara telus dan adil dalam masyarakat (I). Ini dapat membantu golongan miskin memenuhi keperluan asas mereka (HR) seperti makanan dan tempat tinggal (HL). Kesannya perasaan iri hati dan hasad dengki dapat dihapuskan (HL) kerana kebajikan mereka terjaga (HL). Kesimpulannya sebagai umat Islam kita hendaklah mengamalkan sistem sosial Islam agar selamat di dunia dan di akhirat (K). Cadangan isi : - Mengamalkan sikap saling nasihat-menasihati / saling bantu-membantu antara satu sama lain. - Memastikan peluang ekonomi diberikan secara adil - Memberi kefahaman agama yang mendalam agar dapat membezakan dosa dan pahala	4 x 1 m = 4 markah I + HR + HL + K
	(b) Dua cara mewujudkan tafahum dalam pergaulan: 1. Bersikap lapang dada dan pemaaf (1m) kerana setiap manusia ada kekurangan (1m). 2. Saling nasihat-menasihati (1m) sebagai tanda kasih sayang sesama insan (1m). 3. Menjauhi sikap adu domba (namimah) (1m) untuk menjaga keharmonian hidup bermasyarakat (1m). 4. Melatih diri menjadi pendengar yang baik (1m) agar orang lain merasa dihargai (1m). Catatan : Jawapan munasabah diterima.	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(c) i. Dua ciri pentadbir dan pengurus yang baik: 1. Beriman 2. Amanah 3. Berwawasan 4. Ikhlas 5. Positif 6. Inovatif 7. Dinamik 8. Integriti	2 x 1 m = 2 markah

		ii. Dua kepentingan melaksanakan tadbir urus Islam terhadap sesebuah organisasi: 1. Memastikan kelancaran urusan pentadbiran sesebuah organisasi (1m) kerana peranan dan tanggungjawab ditetapkan dengan jelas (1m). 2. Menaikkan imej sesebuah organisasi (1m) kerana mengamalkan nilai kejujuran, keadilan dan ketelusan dalam pentadbiran (1m). 3. Menyelesaikan sesuatu urusan secara rundingan dan muafakat (1m) untuk memperolehi keputusan yang lebih baik dan diterima ramai (1m). Catatan : Jawapan munasabah diterima.	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(d)	Langkah strategik yang perlu diambil oleh pengerusi kelab untuk mencapai keputusan yang harmoni. Contoh jawapan: Pengerusi boleh mengadakan mesyuarat khas (I) untuk memberi peluang kepada setiap ahli menyuarakan pandangan masing-masing (H). Kesannya setiap ahli akan merasa dihargai (HL). Ini akan melahirkan semangat bekerjasama antara semua ahli (HL) dalam menjayakan aktiviti yang dirancang (HL). Kesimpulannya sebagai umat Islam, kita hendaklah mengamalkan prinsip syura agar diberkati oleh Allah SWT (K). Cadangan isi : - Memberi peluang kepada setiap ahli menyuarakan pandangan secara beradab - Mengambil keputusan berdasarkan suara majoriti / persetujuan ramai - Menasihati ahli supaya berbincang dengan sopan tanpa dipengaruhi emosi - Menyenaraikan kekuatan dan kelemahan setiap cadangan Catatan : Jawapan munasabah diterima.	4 x 1 m = 4 markah I + HR + HL + K
4.	(a)	i. Dua ciri akhlak menurut Islam: 1. Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. 2. Berlandaskan fitrah kejadian manusia. 3. Meliputi semua aspek kehidupan. 4. Tetap dan tidak berubah sepanjang zaman.	2 x 1 m = 2 markah

	ii. Dua cara memupuk akhlak mulia dalam kehidupan: 1. Mentaati perintah Allah SWT (1m) dengan melakukan segala suruhan-Nya (1m). 2. Mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW (1m) dalam setiap tindakan (1m). 3. Sentiasa berdoa kepada Allah SWT (1m) agar dihiasi dengan akhlak terpuji (1m). 4. Mujahadah dalam memperbaiki diri (1m) agar menjadi lebih baik (1m). 5. Sentiasa bermuhasabah diri (1m) supaya dapat meningkatkan kualiti diri (1m). 6. Sabar dan istiqamah dalam berakhlak mulia (1m) agar menjadi muslim yang bertakwa (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(b) Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam: 1. Sesuai dengan fitrah dan akal manusia (1m) kerana Allah SWT mengetahui kemampuan manusia (1m). 2. Bersifat jelas dan praktikal (1m) bagi memudahkan untuk dilaksanakan (1m). 3. Sesuai dengan peranan sebagai khalifah (1m) dalam memakmurkan alam (1m). 4. Keseimbangan (1m) dari sudut rohani dan jasmani (1m). 5. Mementingkan budaya ilmu (1m) bagi membina tamadun dan kemajuan hidup (1m). 6. Rahmat bagi sekalian alam (1m) kerana mementingkan nilai kasih sayang (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(c) Dua langkah yang boleh diambil bagi menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam: 1. Memberi didikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam (1m) dalam sistem pendidikan negara (1m). 2. Memberikan penerangan melalui media massa (1m) supaya masyarakat tahu kebaikan muamalat Islam (1m). 3. Mengembangkan kemudahan perbankan Islam (1m) secara menyeluruh (1m). 4. Mengemaskini sistem muamalat Islam (1m) supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(d) i. Jenis sistem muamalat Islam yang boleh membantu jika anda ingin membeli rumah: 1. Al-Murabahah 2. Al-Bai' bithaman ajil	1 x 1 m = 1 markah

		ii. Kelebihan jika saya menyewa rumah sahaja tanpa membelinya. Contoh jawapan: Menyewa rumah dapat mengelakkan diri dari terlibat dengan hutang (I) yang boleh membebankan hidup (H1) kerana penyewa hanya perlu membayar sewa bulanan yang lebih rendah (H2) berbanding pemilik rumah yang terpaksa menanggung ansuran bank dalam tempoh masa yang lama (H3). Kesimpulannya, kita hendaklah bijak membuat pilihan yang sesuai dengan status kewangan agar dapat menjalani kehidupan dengan tenang (K).	5 x 1 m = 5 markah I + H1 + H2 + H3 + K
5.	(a)	i. Maksud akal: Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) untuk membezakannya dengan haiwan (1m).	1 x 2 m = 2 markah
		ii. Keistimewaan al-Quran: 1. Kandungan al-Quran benar (1m) tanpa sebarang keraguan (1m). 2. Kandungan dan hukum al-Quran kekal (1m) sehingga hari kiamat (1m). 3. Panduan al-Quran meliputi pelbagai aspek (1m) seperti akidah, ibadah, akhlak dan lain-lain (1m). 4. Membaca dan mendengar al-Quran mendapat pahala (1m) kerana dikira sebagai ibadah (1m).	1 x 2 m = 2 markah I + H
	(b)	Tanggungjawab saya sebagai khalifah Allah SWT dalam memelihara dan memulihara alam. Contoh jawapan: Saya akan mengembalikan kelestarian alam semulajadi (I) dengan tidak membuang sampah merata-rata (H1) agar kehidupan flora dan fauna terpelihara (H2). Hal ini kerana, pemeliharaan alam sekitar amat penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem (H3). Kesannya, semua hidupan dapat hidup dalam keadaan selamat dan sejahtera (H4). Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga alam ciptaan Allah SWT dengan baik agar mendapat manfaat daripadanya (K).	6 x 1 m = 6 markah I + H1 + H2 + H3 + H4 + K
	(c)	i. Dua matlamat sistem kehakiman Islam: 1. Menegakkan keadilan (1m). 2. Menentang kezaliman (1m). 3. Membela orang yang dizalimi (1m).	2 x 1 m = 2 markah
		i. Dua jenis hukuman jenayah dalam Islam beserta contohnya: 1. Hudud (1m) contohnya zina, qazaf, minum arak (1m). 2. Qisas (1m) contohnya membunuh dengan sengaja, mencederakan anggota badan (1m). 3. Takzir (1m) contohnya khalwat, mengganggu ketenteraman awam (1m). 4. Diat (1m) contohnya diat ringan, diat berat (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H

	(d)	Dua cara saya menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah: 1. Mematuhi peraturan agama (1m) seperti menunaikan solat dan menutup aurat (1m). 2. Menuntut ilmu yang bermanfaat (1m) seperti ilmu fardu ain dan fardu kifayah (1m). 3. Mengisi masa dengan perkara berfaedah (1m) seperti membaca dan beriadah (1m). 4. Memilih rakan yang baik (1m) seperti rakan yang berakhlak mulia (1m). Catatan : Jawapan munasabah diterima	2 x 2 m = 4 markah I + H
6.	(a)	Empat garis panduan hiburan menurut Islam: 1. Bertujuan untuk perkara kebaikan (1m). 2. Betulkan niat mengadakan program untuk mendapat keredaan Allah SWT (1m). 3. Program mendapat kelulusan pihak berkuasa (1m). 4. Memakai pakaian sopan dan menutup aurat (1m). 5. Tiada pergaulan bebas lelaki dengan perempuan (1m). 6. Lirik lagu tidak bercanggah dengan syarak (1m). 7. Gaya persembahan tidak mengundang maksiat (1m). 8. Menghormati waktu solat (1m). 9. Amanah terhadap wang yang dikumpul daripada program (1m). 10. Memastikan kemudahan awam mencukupi untuk keselesaan (1m).	4 x 1 m = 4 markah
	(b)	i. Dua adab dan etika kesenian Islam: 1. Menghasilkan kesenian yang boleh meningkatkan keimanan (1m) agar hidup diberkati (1m). 2. Hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak (1m) agar tidak mengundang kemurkaan Allah SWT (1m). 3. Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam (1m) agar boleh menjadi teladan (1m). 4. Sentiasa memelihara ibadah wajib (1m) seperti solat fardu (1m). 5. Mencipta karya yang asli (1m) dengan tidak meniplak hasil orang lain (1m). 6. Berkarya secara sederhana (1m) dengan tidak melampaui batas (1m). 7. Tiada unsur merosakkan akidah (1m) seperti syirik (1m). 8. Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain (1m) kerana boleh mengundang dosa (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
		ii. Dua contoh kesenian yang dibenarkan dalam Islam: 1. Seni khat dan kaligrafi (1m). 1. Seni reka fesyen yang menutup aurat (1m). 2. Seni fotografi gambar yang dibenarkan syarak (1m). 3. Seni ukiran (1m). 4. Seni seramik (1m). 5. Seni bina bangunan (1m). 6. Seni suara seperti nasyid, zikir dan tarannum al-Quran (1m). 7. Seni lakonan seperti drama yang dibenar syarak (1m).	2 x 1 m = 2 markah

	(c) Dua syarat untuk menjadi khalifah: 1. Seorang Muslim yang Mukmin (1m) supaya takut kepada Allah SWT (1m). 2. Lelaki (1m) kerana sesuai dengan tugas yang berat (1m). 3. Berilmu dan memahami masalah negara (1m) supaya dapat mentadbir dengan baik (1m). 4. Adil dan saksama (1m) supaya semua pihak berpuas hati (1m). 5. Berkemampuan dari segi mental dan fizikal (1m) supaya mampu menjalankan tugas (1m). 6. Berpengaruh dan daripada keturunan yang baik (1m) agar dihormati (1m). 7. Berakhlak mulia dan berani (1m) agar dapat dicontohi (1m).	2 x 2 m = 4 markah I + H
	(d) i. Kelebihan mengamalkan sikap di atas: 1. Mengekalkan keharmonian sejagat (1m) agar tidak berlaku persengketaan (1m). 2. Membina imej positif (1m) yang boleh diterima orang ramai (1m). 3. Memudahkan penyelesaian masalah (1m) dengan lebih berkesan (1m). 4. Melahirkan suasana persekitaran yang selamat (1m) daripada unsur negatif (1m). 5. Memupuk perpaduan yang erat di kalangan masyarakat (1m) agar hidup bahagia (1m) Catatan : Jawapan munasabah diterima	1 x 2 m = 2 markah I + H
	ii. Kesan yang akan berlaku sekiranya sikap tersebut tidak diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Contoh jawapan: . Masyarakat akan berpecah-belah dan bersengketa (I) kerana tidak wujud perpaduan yang erat di kalangan masyarakat (HR). Kesannya, akan wujud suasana yang tidak harmoni dan tenteram dalam masyarakat (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah mengamalkan cara hidup Islam yang sangat mementingkan perpaduan agar keharmonian hidup bermasyarakat terjamin (K).	4 x 1 m = 4 markah I + HR + HL + K

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT